

ZCZC B569

MAHATHIR-SOVIET R'R'R

(I)

1982

KUALA LUMPUR, 9 NOV. (BERNAMA) - MALAYSIA SUDAH PASTI MERASA TERANCAM JIKA KEHADIRAN SOVIET UNION DI RANTAU INI DIPERBESAR +DENGAN CARA YANG SEDANG BERLAKU SEKARANG,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+DI SATU PERINGKAT, KAMI DIBERITAHU BAHAWA VIETNAM TIDAK AKAN MEMBENARKAN SOVIET MENGGUNAKAN PANGKALAN-PANGKALAN DI TELUK DA NANG DAN CAM RANH TETAPI SEBENARNYA KINI MEREKA TELAH MEMBENARKAN,

+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS PUSINGAN KEDUA RUNDINGANNYA DENGAN PRESIDEN ZIA-UL HAQ DARI PAKISTAN YANG SEDANG MELAWAT NEGARA INI.

+OLEH ITU, JIKA MEREKA BOLEH BERBUAT BEGITU, KITA TIDAK TAHU SETAKAT MANA KERJASAMA ANTARA VIETNAM DAN SOVIET AKAN BERLAKU.

+SUDAH TENTU, JIKA KERJASAMA ITU MELUAS, MALAYSIA MERASA TERANCAM.+

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA SEMENTARA MALAYSIA SEDANG AKTIF MENGANJURKAN KONSEP ZON KEMANAN, KEBEBASAN DAN BERKECUALI DI ASIA TENGGARA, IA MERASA KEHADIRAN ARMADA KETUJUH TENTERA LAUT AMERIKA SYARIKAT DI KAWASAN INI ADALAH PERLU UNTUK MENGIMBANGKAN AKTIVITI-AKTIVITI SOVIET DAN CHINA. -- LAGI 1525/IB

ZCZC B570

MAHATHIR-SOVIET 2 KUALA LUMPUR

MEMANDANGKAN KEHADIRAN SOVIET KEHADIRAN TENTERA AMERIKA SYARIKAT DI KAWASAN INI ADALAH + SESUATU YANG TERPAKSA KITA TERIMA+.

KECUALI JIKA KEDUA-DUA PIHAK KELUAR, KAMI TIDAK MENGALU-ALUKAN JIKA HANYA SALAH SATU DARIPADA MEREKA KELUAR,+ KATA BELIAU.

MENGENAI RUNDINGAN DENGAN PRESIDEN ZIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA MEMPUNYAI PANDANGAN YANG SAMA MENGENAI KEBANYAKAN ISU.

PERBEZAAN PANDANGAN MUNGKIN TERDAPAT MENGENAI HUBUNGAN DENGAN CHINA. MALAYSIA YANG TELAH MENGALAMI KEGANASAN KOMUNIS SEJAK 1948 MEMPUNYAI PANDANGAN YANG BERBEZA TERHADAP KOMUNISMA DAN NEGARA-NEGARA KOMUNIS BERBANDING DENGAN LAIN-LAIN NEGARA SEPERTI PAKISTAN YANG TIDAK MEMPUNYAI MASALAH SEUMPAMA ITU.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA CHINA AKAN TERUS DISIFATKAN SEBAGAI ANCAMAN SELAGI IA TIDAK MENGHENTIKAN SOKONGANNYA TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI SUBVERSIF KOMUNIS DI NEGARA INI. -- LAGI 1530/IB

MAHATHIR-SOVIET 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI SAMA ADA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) TELAH MEMAINKAN PERANAN YANG WAJAR DALAM Mencari PENYELESAIAN KEPADA MASALAH PALESTIN DAN LUBNAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +OIC SEPATUTNYA MENJALANKAN USAHA YANG LEBIH DALAM BIDANG INI.+

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KEADAAN DI LUBNAN BEGITU SENSITIF DAN ADALAH SUKAR BAGI NEGARA-NEGARA ANGGOTA OIC UNTUK MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH POSITIF UNTUK MENGAKHIRI SENGKETA TERSEBUT.

+NEGARA-ANEGARA ANGGOTA OIC MEMPUNYAI PENDAPAT YANG BERBEZA UNTUK OIC SEBAGAI SATU PERTUBUHAN DALAM MENCAPAI KEPUTUSAN MENGENAI APAKAH TINDAKAN YANG HARUS DIAMBIL. OLEH ITU INI ADALAH MASALAH DALAM PERTUBUHAN YANG KAMI HADAPI DALAM OIC,+ TAMBAH BELIAU.

MENGENAI PERANG IRAN-IRAQ, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI ANGGOTA JAWATANKUASA PENDAMAI OIC, MALAYSIA DAN PAKISTAN MERASA BAHAWA KEDUA-DUA NEGARA YANG BERPERANG ITU PERLU BERUNDING UNTUK MENYELESAIKAN PERBALAHAN MEREKA.

+KAMI TIDAK BOLEH MANGATAKAN SIAPA YANG BENAR DAN SIAPA YANG SALAH KERANA KAMI TIDAK DITUBUHKAN UNTUK MENGADILI PERKARA ITU TETAPI KAMI BENCIKAN PEPARANGAN DAN PENYELESAIAN SENGKETA MENERUSI KEKERASAN SENJATA,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 1620/18